

Dr. M: UMNO tak dircapi

Keluaran khas
Hari Raya

KELUARAN KHAS 12
MUKA SEMPERA
menyambut Hari Raya.
Pustaka anda meng-
dapat naskah ini besa-
ma Berita Harian hari
ini.

Kegiatan persendirian, tak melibatkan ahli2

Oleh JAMALUDDIN ABU BAKAR

Bahan asal dari Arrib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad megaskan kegiatan Siddiq bin Mohamad Ghouse tidak bermakna UMNO diresapi pengaruh komunis.

Timbalan Perdana Menteri memberi tahu Berita Harian kegiatan Siddiq tidak melibatkan ahli-ahli UMNO yang lain tetapi merupakan kegiatan persendirian semata-mata.

"Saya yakin kegiatan Siddiq tidak menjejaskan UMNO kerana ia dilakukan bukan berlandaskan ideologi tetapi bermotif kebendaan," tegasnya ketika diminta mengulas sejauh mana kesan kegiatan Siddiq terhadap kestabilan UMNO.

Siddiq menjadi Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri sejak 1976, dilangkap semalam kerana menjadi agen Badan Bahaba Soviet (KGB). Dia dipecat beberapa hari lalu.

Sangat kesal

Di samping memegang jawatan Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Siddiq juga menyandang Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani dan juga pernah menjadi Timbalan Presiden Perastuan Kelab-kelab Bola Malaysia (MAYC).

Dalam satu temuramah dengan wartawan United Press (UPI) semalam Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan "sangat kesal" terhadap perbuatan Siddiq. Bagaimanapun beliau megaskan kegiatan KGB hanya sedikit sahaja menjejaskan keselamatan Malaysia.

Menurutnya, beliau sengaja mengekalkan Siddiq sebagai Setiausaha Politiknya untuk memudahkan polis mengumpul maklumat dan bukti terhadap kegiatan Siddiq dan diplomat-diplomat Soviet itu.

Sungguh pun begitu, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir, kegiatan Siddiq tidaklah banyak dan tidak bernilai sangat bagi Soviet.

Apa yang menjadi kenyataan ialah pihak Soviet telah berjaya memperalatkan seorang yang sangat rapat dengan pemimpin Malaysia.

Terperanjat

Sementara itu, sahabat-sahabat Siddiq melahirkan rasa terperanjat masing-masing atas perbuatannya.

Mereka hairan megapakan Siddiq begitu lemah sehingga terperanjat dalam jabat KGE.

Seorang kawannya, Megat Junid bin Megat Ayub yang juga Setiausaha Politik Datuk Seri Dr. Mahathir di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berpendapat Siddiq melakukan kegiatan tersebut bukan berlandaskan ideologi tetapi sebab-sebab kebendaan.

"Saya tidak fikir Siddiq berbuat demikian atas fahaman komunisme, tetapi saya agak berpunca kepada kebendaan," katanya.

Bellau dukacita terhadap perbuatan Siddiq kerana secara tidak langsung menjejaskan nama baik parti UMNO.

Setiausaha Agung UMNO, Encik Mustafa Jabar tidak dapat dihubungi untuk mengulas perkara menepakan tersebut.

Namun demikian semua lapisan masyarakat hari

ini memuji kecekapan Cawangan Khas Malaysia (MSB) kerana berjaya menangkap orang yang rapat dengan pemimpin tertinggi negara. Mereka mengucapkan takludz kepada Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.